<table>
<tr><th>BIL</th><th>PERKARA</th><th>KETERANGAN</th></tr>
<tr><td>1.</td><td>Pengenalan</td><td>1. Penaja bagi geran ini ialah <u>agensi bukan kerajaan dalam negara</u><br>2. Penaja terdiri daripada<br>a) Universiti swasta<br>b) Universiti sangkutan dalam Malaysia<br>c) Yayasan<br>d) Badan bukan kerajaan (NGO)<br>e) Koperasi<br>3. Staf akademik UTM merupakan Ketua Projek bagi geran ini.</td></tr>
<tr><td>2.</td><td>Objektif</td><td>1. Geran ini diwujudkan bertujuan untuk menyediakan platform bagi pendaftaran dan pelaksanaan projek penyelidikan dengan pihak agensi dalam negara.<br>2. Antara objektif lain:<br>a) Menggalakkan hubungan kolaborasi antara penyelidik UTM dengan agensi bukan kerajaan dalam pelbagai disiplin dan sektor penyelidikan<br>b) Meningkatkan dan mengukuhkan jalinan kerjasama strategik di antara penyelidik UTM dan pelbagai pihak agensi bukan kerajaan di dalam negara.<br>c) Menghasilkan penyelidikan berkualiti dan penemuan baharu yang relevan dan responsif kepada kehendak semasa.</td></tr>
<tr><td>3.</td><td>Syarat Permohonan</td><td>1. Penyelidikan mestilah dijalankan di UTM.<br>2. Dana penyelidikan mestilah disalurkan ke akaun Bendahari UTM dan tertakluk kepada peraturan penyelidikan dan pekeliling kewangan semasa keperluan pihak penaja<br>3. Ketua Projek hendaklah seorang warganegara Malaysia bertaraf tetap/kontrak dan dimestikan mempunyai sekurang-kurangnya seorang (1) penyelidik bersama warganegara Malaysia bertaraf tetap dalam bidang kepakaran yang sama.<br>4. Bagi Ketua Projek yang bukan warganegara Malaysia bertaraf tetap/kontrak dimestikan mempunyai sekurang-kurangnya seorang (1) penyelidik bersama warganegara Malaysia bertaraf tetap dalam bidang kepakaran yang sama.<br>5. Projek mestilah didaftarkan di dalam Sistem RADIS (<u>https://radis.utm.my</u>) dan diuruskan oleh RMC.<br>6. Pihak penaja tidak layak menggunapakai kaedah Double Tax Deduction (DTD).<br>7. Bagi Semakan Plagiarism TurnItIn, pemohon hendaklah:<br>a) Memuat naik proposal dalam akaun (class) Turnitin yang disediakan.<br>b) Memastikan peratus similarity index tidak melebihi 50%.</td></tr>
<tr><td>4.</td><td>Faedah kepada penyelidik UTM</td><td>1. Minimum amaun projek yang dikira sebagai output MYRA adalah seperti berikut:<br><table><tr><td>Kategori</td><td>Amaun minimum</td></tr><tr><td>Non S&T</td><td>RM5,000</td></tr><tr><td>S&T</td><td>RM20,000</td></tr></table>2. Pendaftaran geran ini boleh dikira dalam pengiraan markah ELPPT.</td></tr>
<tr><td>5.</td><td>Dokumen sokongan</td><td>1. Letter of Award (LOA)/ MoA / Research Agreement daripada pihak penaja hendaklah menyatakan dengan jelas:<br>a) Tajuk penyelidikan (menunjukkan elemen penyelidikan)<br>b) Tarikh mula dan tarikh tamat (tempoh)<br>c) Jumlah peruntukan yang diluluskan (RM)<br>d) Output penyelidikan<br>e) Senarai ahli penyelidik terlibat (sekurang-kurangnya satu (1) staf akademik tetap UTM)<br>2. Proposal yang diluluskan oleh pihak penaja.<br>3. Laporan TurnItIn.</td></tr>
</table>

<table>
<tr><th>BIL</th><th>PERKARA</th><th>KETERANGAN</th></tr>
<tr><td></td><td></td><td>4. Agihan bajet.</td></tr>
<tr><td>6.</td><td>Tempoh</td><td>1. Tempoh minimum projek ialah enam (6) bulan.<br>2. Tempoh projek hendaklah bersesuaian dengan objektif projek dan dipersetujui oleh pihak penaja.<br>3. Bagi staf kontrak, tempoh projek penyelidikan hendaklah tidak melebihi tempoh kontrak perkhidmatan.</td></tr>
<tr><td>7.</td><td>Peruntukan kewangan</td><td>1. Siling peruntukan projek hendaklah bersesuaian dengan objektif projek dan dipersetujui oleh pihak penaja.<br>2. Nilai geran yang telah diluluskan akan diaktifkan dalam sistem RADIS dan diagihkan mengikut keperluan seperti disenaraikan dalam proposal.<br>3. In-kind tidak dikira sebagai amaun projek.</td></tr>
<tr><td>8.</td><td>Peraturan & Kawalan Kewangan</td><td>1. Ketua Projek hendaklah mematuhi prosedur semasa perolehan kewangan universiti; atau<br>2. Bergantung kepada kelulusan pihak penaja.<br>3. Semua jenis pembelian melalui pesanan rasmi (PO) perlu dibuat sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sebelum tarikh tamat tempoh projek penyelidikan.<br>4. Sebarang pembelian selepas tarikh tamat tempoh projek tidak akan dipertimbangkan.</td></tr>
<tr><td>9.</td><td>Caj perkhidmatan</td><td>1. Bagi geran yang mempunyai peruntukan honorarium, cas pengurusan sebanyak 25% akan dikenakan daripada jumlah peruntukan honorarium tersebut.<br>2. Bagi geran yang tiada peruntukan honorarium, sumbangan kepada UTM ditetapkan seperti di bawah:<br><br><table><tr><td>i.</td><td>⩽ RM 10,000.00</td><td>tidak perlu sumbangan</td></tr><tr><td>ii.</td><td>RM 10,001.00 – RM 14,999.00</td><td>RM 500.00</td></tr><tr><td>iii.</td><td>RM 15,000.00 – RM 99,999.00</td><td>RM 1,000.00</td></tr><tr><td>iv.</td><td>RM 100,000 dan ke atas</td><td>3% daripada jumlah geran</td></tr></table></td></tr>
<tr><td>10.</td><td>Output Penyelidikan</td><td>Output penyelidikan projek adalah seperti yang telah diluluskan oleh pihak penaja dalam proposal.<br><br>Penetapan output IP termasuk hak milik adalah bergantung kepada perbincangan awal antara UTM, penaja dan penyelidik dan perlu dinyatakan dengan jelas di dalam dokumen MOA/proposal.</td></tr>
<tr><td>11.</td><td>Pemantauan Projek</td><td>1. Pelaporan prestasi projek hendaklah dilengkapkan di RADIS mengikut keperluan semasa universiti.<br>2. Ketua projek perlu melengkapkan dan menghantar laporan yang ditetapkan oleh pihak penaja.<br>3. Ketua Projek diwajibkan menghadiri Bengkel Pemantauan sekiranya perlu bagi tujuan menilai pencapaian geran yang telah diluluskan.<br>4. Pemantauan ke atas projek adalah melibatkan aspek seperti berikut:<br>a) Prestasi projek; dan<br>b) Prestasi kewangan; dan<br>c) Maklum balas pihak penaja (jika perlu)<br>5. Ketua Projek boleh dikenakan penalti sekiranya gagal mematuhi perkara seperti berikut:</td></tr>
</table>

<table>
<tr><th>BIL</th><th>PERKARA</th><th>KETERANGAN</th></tr>
<tr><td></td><td></td><td>
a) Tidak menghantar laporan perkembangan (mengikut tempoh yang telah ditetapkan oleh pihak penaja dan RMC); atau<br>
b) Tidak hadir pembentangan pemantauan perkembangan projek tanpa justifikasi yang kukuh; atau<br>
c) Tidak menghantar laporan akhir (mengikut tempoh yang telah ditetapkan oleh pihak penaja dan RMC); atau<br>
d) Tidak mencapai KPI/serahan penyelidikan yang ditetapkan oleh pihak penaja; atau<br>
e) Tidak hadir pembentangan laporan akhir tanpa justifikasi yang kukuh; atau<br>
f) Tidak menyelesaikan penyelidikan atas sebab-sebab yang tidak dinyatakan secara jelas dan tidak memaklumkan kepada pihak penaja dan Pihak RMC secara rasmi.<br>
6. Ketua Projek perlu bertanggungjawab ke atas pelaksanaan projek serta mematuhi pekeliling dan prosedur yang telah ditetapkan<br>
7. Penalti boleh dikenakan kepada penyelidik sekiranya ingkar kepada mana-mana ketetapan yang telah dipersetujui oleh Universiti dan pihak penaja.
<table>
<tr><td>SUSPENDED</td><td>- Terdapat tindakan susulan yang perlu diambil oleh Ketua Projek<br>- Projek boleh diaktifkan semula setelah isu permasalahan selesai dan dipersetujui oleh pihak penaja.</td></tr>
<tr><td>TERMINATED</td><td>- Menerima arahan daripada pihak penaja justifikasi yang sewajarnya.<br>- Pencapaian projek tidak memuaskan dan diperakukan oleh pihak penaja.</td></tr>
</table>
</td></tr>
<tr><td>12.</td><td>Penutupan/ Penamatan Geran</td><td>
1. Ketua Projek bertanggungjawab untuk menutup geran penyelidikan yang telah diluluskan dengan menghantar laporan akhir dalam tempoh tidak melebihi tiga (3) bulan selepas tarikh tamat geran penyelidikan.<br>
2. Ketua Projek perlu menghantar fail Online Claim selepas projek tamat ke Seksyen Kewangan RMC untuk tujuan pengesahan dokumen.<br>
3. Aset penyelidikan yang dibiayai menggunakan geran ini perlu diselia oleh Ketua Projek apabila geran telah tamat. Permohonan Pindah Hak Milik / Pelupusan aset penyelidikan tersebut boleh dimajukan ke Seksyen Kewangan RMC.<br>
4. Kegagalan menghantar fail Online Claim dan laporan akhir boleh mengakibatkan projek penyelidikan tidak dapat ditutup dengan sempurna dan memberi kesan kepada permohonan dan pendaftaran projek penyelidikan yang akan datang.<br>
5. Ketua Projek boleh disenarai hitam sekiranya laporan tersebut tidak dikemukakan selepas dua (2) kali peringatan dihantar.
</td></tr>
</table>

Carta alir permohonan dan pendaftaran Geran Pelbagai/Others

| **Staf Yang Bertanggungjawab** | **Aliran Kerja** | **Proses Kerja** |
|---|---|---|
| |   | Mula |
| Ketua Projek | | Mendaftarkan geran dalam RADIS<br>Dokumen wajib yang diperlukan:<br>• Flow Chart<br>• Letter of Award<br>• MOU / MOA / Research Agreement / Letter of Agreement (Jika berkenaan)<br>• Proposal<br>• Turnitin |
| PTPO | | Semakan dokumen yang dilampirkan |
| PT/RM | | Mengaktifkan geran |
| | | Tamat |

Carta alir Permohonan invois Penyelidikan - Penaja

| Pegawai Bertanggungjawab | Aliran Kerja | Proses Kerja |
|---|---|---|
| | (Mula) | Mula |
| PTK (ARH) | 1 | 1. Terima permohonan melalui email pengeluaran invois daripada KP dan dokumen sokongan (sekiranya ada). Email "draft" invois untuk semakan KP |
| KP | 2 (Tidak → 1; Tepat → 3) | 2. KP membuat semakan "Draft" invois yang dijana di sistem. (Semakan terperinci di bahagian nama penaja, alamat, "attention", "specification" dan Jumlah) |
| PTK (ARH) | 3 | 3. Daftar dalam sistem UTMFin dan membuat cetakan invois untuk kelulusan PA/PB. |
| PA/ PB | 4 (Tidak → 3; Tepat → 5) | 4. Semak ketepatan invois |
| | 5 | 5. Sahkan dalam sistem UTMFin dan tandatangan serta cop jawatan di Invois tersebut. Serahkan kepada PTK |
| PTK (ARH) | 6 | 6. Scan Invois yang telah ditandatangan dan disahkan |
| | 7 | 7. Email dokumen scan kepada KP dan UTKK Jabatan Bendahari |
| | 8 | 8. Mengemaskini rekod Excel Staf bagi tujuan rujukan |
| | (Tamat) | Tamat |

Carta alir Penerimaan Peruntukan Penyelidikan - Penaja




| Pegawai Bertanggungjawab | Aliran Kerja | Proses Kerja |
|---|---|---|
| | | Mula |
| PTK (ARH) | | 1. Terima dokumen sokongan dari Penaja / KP / JBUTM dan rekod ke dalam Sistem Excel staf |
| | | 2. Semak kecukupan maklumat penerimaan dan geran projek yang terlibat |
| | | 3. Maklum ketidakcukupan maklumat kepada Ketua Projek / Unit Rekod |
| | | 4. Sedia surat arahan penyediaan Resit Rasmi Projek / Resit Rasmi Bil kepada JBUTM |
| PA/ PB | | 5.Semak Surat Arahan dengan ketepatan maklumat terimaan |
| | | 6. Tandatangan Surat Arahan kepada JBUTM dan serah kepada PTK (ARH) |
| PTK (ARH) | | 7. Scan Surat Arahan dan dokumen Sokongan |
| | | 8. Email dokumen scan kepada Unit Akaun PBUTM |
| | | 9. Mengemaskini rekod Excel Staf bagi tujuan rujukan |
| | | Tamat |

| RESEARCH MANAGEMENT CENTRE | KRITERIA GERAN AGENSI BUKAN KERAJAAN (SEKSYEN PENGURUSAN DAN PEMANTAUAN PROJEK) | Semakan: |
|---|---|---|
| | | Tarikh Pindaan: 14 Ogos 2023 |
| | | Muka surat 7 Daripada 8 |

Carta alir Agihan Peruntukan Penyelidikan - Penaja

| Pegawai Bertanggungjawab | Aliran Kerja | Proses Kerja |
|---|---|---|
| |  | Mula |
| PTK (ARH) | | 1. Terima makluman Resit Rasmi Projek / Resit Rasmi Bil selesai dijana oleh JBUTM |
| | | 2. Semak ketepatan maklumat janaan Resit Rasmi Projek/Resit Rasmi Bil |
| | | 3. Maklum kepada Unit Terimaan dan Hasil PBUTM |
| | | 4. Lengkapkan proses Resit Rasmi Projek pada sistem UTMFin |
| | | 5. Sedia Agihan Tabung pada Sistem UTMFin |
| PA / PB | | 6. kemaskini dan sah Agihan Tabung pada Sistem UTMFin |
| | | 7. Sedia agiahan mengikut pecahan SODO berpandukan maklumat pada Sistem RADIS |
| | | 8. Sah agihan mengikut pecahan SODO pada Sistem UTMFin |
| | | 9. Maklum kepada kumpulan penyelidikan agihan peruntukan pada Sistem UTMFin selesai |
| PTK (ARH) | | 10. Kemaskini Rekod Excel Staf |
| | | Tamat |

Carta alir Pemantauan Geran Pelbagai/Others




| Staf Yang Bertanggungjawab | Aliran Kerja | Proses kerja |
|---|---|---|
| | | **Mula** |
| PTPO | | **Peringatan mesra dihantar melalui system yang berkaitan.** |
| KP | | **Penghantaran laporan perkembangan** |
| RM/PT/PPT | | **Semakan laporan perkembangan** |
| PPT | | **Analisis data mengikut keperluan** |
| PT/PPT/PTPO | | **Penganjuran bengkel pemantauan** |
| | | **Tamat** |